

15/02/2004

Sebuah catatan dalam perjalanan

Noor Azam

SEMASA lawatan singkat ke Egypt (Mesir) kira-kira 15 tahun lalu, timbul dalam kepala saya: Mengapa negara yang masyhur ini jadi begitu mundur? Sedangkan ia punya sejarah peradaban dan keilmuan yang cukup maju dan canggih sejak kira-kira 4,700 tahun lalu.

Kali ini lawatan saya lama sedikit. Dibandingkan dengan 15 tahun lalu. Cairo tidak banyak berubah. Hotel Bertambah, tetapi kualitasnya tidak sebaik negara kita. Ada beberapa rumah dan apartmen baru di pinggir kota dan pembaikan beberapa jalan utama, namun sebagai bandingan, Jakarta (zaman Pak Harto) jauh lebih maju dan membangun daripada Cairo.

Kelebihan Cairo, tiap hotel lima bintang punya kasino sendiri. Omar Khayyam adalah seorang penyair yang terkenal, tetapi di hotel yang saya tinggal, namanya jadi "Omar Khayyam Casino". Secara umum dan ukuran kasar, negara ini nampak kira-kira 20 tahun di belakang kita, meskipun pelancong semakin ramai, datang dari seluruh dunia.

Kali ini saya memang merancang untuk melihat perkuburan, pusat ibadah dan pusat pemerintahan zaman silam di Cairo, Luxor dan Aswan. Memudik Sungai Nil dengan kapal pelancongan, memberi kesempatan untuk saya merenung dan bersoal jawab dalam diri. Mencari jawapan kepada pertanyaan yang sama dengan 15 tahun yang lalu: Mengapa negara amat masyhur ini tidak maju?

Mengapa pencapaian zaman lampau, dalam pelbagai bidang - perubatan, kejuruteraan, seni bina, kesenian, politik dan ketenteraan - tidak mengalir ke dalam diri bangsa Egypt zaman moden? Semua bukti pencapaian ini dapat dilihat dengan nyata dari saki baki binaan-binaan agung di tiga kota berkenaan.

Apakah kerana faktor agama? Yang maju dulu zaman sebelum Islam, dan sekarang Islam? Namun Islam pun, pada zaman khalifah dan Empayar Otoman, pernah mencapai kegemilangan yang mencatat banyak sejarah dunia. Politiknya, ketenteraannya dan ilmunya.

JADILAH ISLAM SAMA DENGAN KEMISKINAN DAN KEMUNDURAN?

EGYPT tidak seperti kebanyakan negara Arab lain yang masih dikongkong feudalisme padang pasir dan kuasa politik barat. Egypt telah 50 tahun bebas dari kuasa feudal dan penjajahan barat. Politiknya stabil. Al Azhar adalah sebuah universiti tertua di dunia. Iskandariah pernah terkenal sebagai pusat ilmu moden.

Mengapa kehebatan pembangunan dan pencapaian ilmu zaman kegemilangan Islam itu pun, tidak mengalir ke dalam diri bangsa Mesir abad ke 20?

Begitulah, bukan saja pertanyaan lama tiada jawapan, malah bertambah lagi dengan pertanyaan-pertanyaan baru. Di Asia, peradaban silam Egypt boleh dikatakan sama tara dengan peradaban Cina dan India. Dalam masa kira-kira 10 tahun saja Cina telah melonjak jauh ke depan.

India, Pakistan dan Bangladesh yang hebat dengan pergolakan politik dan agama, sama seperti Egypt, masih miskin dan jauh ketinggalan. Pakistan dan Bangladesh juga diperintah orang Islam. Maka jadilah Islam sama dengan kemiskinan dan kemunduran.

Akhirnya, satu-satunya kemungkinan jawapan yang terlintas dalam menungan saya, ialah faktor kepemimpinan dan mentaliti rakyat.

Pemimpin moden Egypt, seperti juga pemimpin-pemimpin di Benua India, entah apa sebabnya, tidak berdaya membangunkan bangsa dan negaranya. Mereka juga tidak berdaya menukar sikap rakyatnya daripada mentaliti 'tani-kampung' kepada mentaliti 'dagang-industri'. Nilai-nilai tradisi

yang negatif masih menguasai sikap dan pemikiran umum. Di sinilah kelebihan dan kejayaan kita. Negara kecil Malaysia dan Dr Mahathir dikenali dunia.

MENGAPA MASIH MENGHANTAR PELAJAR ISLAM KE NEGARA MUNDUR?

INDIA terkenal dengan permusuhan politik kaum dan agama yang melarat kepada pembunuhan. Kehebatan Bollywood kontras sekali dengan kehidupan sebahagian besar rakyat yang masih dilanda kemiskinan dan kemelaratan.

Egypt terkenal dengan sejarah peradaban zaman Firaun dan Cairo dengan pusat-pusat hiburan untuk orang Arab. Namun perangai Arab yang sering membuat kita tidak senang setiap kali mengerjakan haji dan umrah, sama saja di Cairo. Kota dan pasarnya kelam kabut tak menentu. Kita berasa tidak tenteram dan sentiasa takut kena tipu.

Sampai terfikir oleh saya: Mengapa kita terus menghantar pelajar ke negara yang mundur ini? Menurut seorang pelajar yang sudah 12 tahun di sana (masih belum selesai ijazah pertama), ada kira-kira 1,000 pelajar sepertinya. Katanya, ramai pelajar yang tidak begitu kisah bila akan selesai pengajian mereka.

Sudah lama terfikir, penghantaran pelajar ke Cairo - atas tajaan atau biaya kerajaan atau apa juga badan - mustahaklah dikaji semula. Sudah sampai masanya kita memilih pelajar-pelajar yang pintar dan mempunyai kelulusan akademik yang baik untuk melanjutkan pengajian agama di Cairo atau di mana-mana pun.

Sekarang kita sudah ada sekolah menengah agama yang setanding dengan sekolah menengah biasa. Kita sudah punya calon-calon yang baik untuk benar-benar menjadi ahli dalam bidang agama, tidak lagi calon-calon dari sekolah agama rakyat atau yang tercicir dari sekolah biasa. Pendidikan tinggi agama tidak seharusnya untuk pelajar-pelajar yang tiada bidang pilihan lain.

TIADA UNIVERSITI ISLAM YANG SETANDING DENGAN UNIVERSITI DI BARAT?

PUNCAK pendidikan agama kita adalah di negara-negara Arab. Apakah kita telah memastikan supaya pada peringkat pendidikan puncak ini, pelajar-pelajar kita mendapat ilmu dan pendidikan yang sesuai dengan tuntutan zaman. Atau sekadar meneruskan tradisi lama? Mengaji agama?

Lulusan agama tidak saja diharapkan untuk menjadi ustaz, imam dan kadi seperti masa lalu. mereka hendaklah menjadi ustaz, imam, kadi dan pegawai agama yang setanding dengan guru, pemimpin dan pegawai dalam bidang-bidang lain.

Lulusan agama juga perlu memasuki bidang-bidang perkhidmatan yang lain daripada bidang keagamaan. Maka pengetahuan mereka perlu lebih luas dan tidak sekadar mendalami bidang syariah atau hukum hakam agama saja.

Justeru kita dan pelajar-pelajar bidang agama kenalah pilih pusat pengajian yang moden dan bermutu, seperti juga kita memilih universiti untuk bidang-bidang lain.

Malangnya, pusat-pusat pengajian tinggi Islam terletak di negara-negara Arab - sama ada yang mundur, miskin, kacau bilau atau masih dikongkong oleh budaya Islam-Arab-feudal. Kita juga tidak patut menghantar pelajar untuk pengajian tinggi Islam atau Islamic Study di Amerika atau di England lebih moden dan lebih relevan dengan tuntutan zaman. Sebab itu ada lulusan Al-Azhar umpamanya, terpaksa buat Phd di kedua negara itu.

Sepatutnya dua tiga buah universiti di negara Arab setanding mutu akademiknya dengan Oxford, Cambridge, Harvard dan Yale - setidak-tidaknya dalam bidang pengajian Islam.

Sepatutnya dua tiga universiti di negara Islam sudah jadi pusat pengajian dan penyelidikan yang terkenal di dunia dan melahirkan cerdik pandai Islam yang boleh memberikan sumbangan yang penting di negara-negara yang diperintah atau dikuasai orang Islam. Mengapa hal ini tak berlaku?

Kesedaran dan amalan ibadah umat Islam di negara kita makin meningkat.

Akan tetapi `keilmuan Islam' dan `kemampuan Islam', tidak meningkat sewajarnya, sama seperti hebatnya `politik Islam' di kalangan orang Melayu. Sebabnya adalah kerana tiada pusat pendidikan tinggi dan pusat penyelidikan Islam yang moden dan dapat memenuhi tuntutan zaman. Kita hanya dapat memuji-muji kegemilangan zaman silam.

Kita tentulah tidak mahu jadi seperti Egypt, Iraq dan Iran setelah tamat zaman feudalnya. Tidak juga mahu jadi seperti Kuwait dan Emirate Arab Bersatu atau Yaman.

Maka Islam tentulah tidak saja untuk menegakkan hukum dan syariat Islam, tetapi juga untuk memenuhi tuntutan hidup rakyat dalam sebuah negara yang maju dan demokratik. Islam mestilah memperlihatkan kemampuan ilmu, teknologi, pentadbiran dan pembangunan, bukan hanya kehebatan berpolitik. Maka pendidikan tinggi Islam yang moden dan relevan amatlah penting.

Bolehkah Universiti Islam Antarabangsa memainkan peranan ini?

(Cairo-Luxor-Aswan, 22-31 Januari 2004)